

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]

TARIKH : 22.3.2016

SOALAN :

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hasil kajian mengenai pendidikan seks berkemungkinan untuk dirangkumi dalam kurikulum tambahan sekolah untuk mengelakkan isu kehamilan yang tidak dirancang dan pembuangan bayi di kalangan gadis remaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) sejak tahun 1989 bagi sekolah menengah dan mulai tahun 1994 di sekolah rendah, khususnya melalui mata pelajaran Pendidikan Kesihatan dan secara merentas kurikulum mata pelajaran lain seperti Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, Sains, Biologi, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, istilah "Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial" digunakan susulan daripada kelulusan Kabinet pada 20 Disember 2006 bagi menggantikan "Pendidikan Kesihatan Keluarga" (1989 – 2002) dan "Pendidikan Seksualiti" (2003 – 2005)

yang digunakan sebelum ini. Istilah “Pendidikan Seks” tidak digunakan dalam konteks pendidikan di Malaysia.

Kabinet juga memutuskan bahawa pelaksanaan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) ini tidak akan melibatkan penyediaan kelas khas atau sebagai mata pelajaran khusus. Sebaliknya, PEERS akan dipelajari melalui mata pelajaran sedia ada, khususnya dalam kurikulum Pendidikan Kesihatan di sekolah rendah dan sekolah menengah. PEERS dilaksanakan secara komprehensif dan kohesif dari sekolah rendah hingga sekolah menengah untuk meningkatkan kesedaran dan membantu murid memperoleh kemahiran membuat keputusan yang tepat, bijak serta bertanggungjawab pada masa kini dan masa hadapan.

RJM40